

Penglibatan wanita dalam kepimpinan dikaji

Untuk ketahui punca kurangnya wanita dilantik dalam kepimpinan politik, perniagaan dan sektor awam

Oleh Patricia Gari

KUCHING: Satu kajian mengenai penglibatan wanita Sarawak dalam kepimpinan atau pembuat keputusan akan dilakukan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Fatimah Abdullah (**gambar**) berkata, kajian itu penting untuk mengetahui punca kurangnya wanita di negeri ini dilantik di peringkat kepimpinan sama ada dalam bidang politik, perniagaan mahupun sektor awam.

“Kajian ini penting sebelum satu ceramah awam diadakan

pada April tahun depan yang bertajuk ‘Lost Leaders’ yang akan dikendalikan oleh seorang yang giat melakukan penyelidikan mengenai wanita dan kepimpinan untuk British Council dan penyandang Kerusi Kepimpinan Wanita, Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM Profesor Louise Morley.

“Kajian ini tidak hanya merangkumi wanita di bandar tetapi juga luar bandar dan merangkumi semua bidang iaitu politik, ekonomi, sektor swasta dan awam.

“Menerusi kajian ini ceramah awam itu nanti akan lebih berkisarkan konteks negeri Sarawak,” katanya pada sidang media di pejabatnya di sini semalam.

Fatimah menjelaskan ketika ini hanya 12 peratus wanita

Sarawak dilantik di peringkat kepimpinan berbanding 32 peratus di peringkat kebangsaan walaupun peratusan wanita bekerja di negeri ini lebih tinggi iaitu 53.2 peratus berbanding 46.9 peratus di peringkat kebangsaan.

Menurutnya pendaftaran memasuki sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di negeri ini memperlihatkan jumlah pelajar wanita lebih ramai berbanding lelaki tetapi tidak dalam pasaran pekerjaan.

Selain itu katanya, trend penglibatan wanita di Malaysia dalam bidang pekerjaan adalah berbeza dengan wanita di negara-negara lain, yang akan kembali bekerja selepas mereka berhenti.

Di Malaysia katanya, wanita yang sudah berhenti bekerja

“Kajian ini tidak hanya merangkumi wanita di bandar tetapi juga luar bandar dan merangkumi semua bidang iaitu politik, ekonomi, sektor swasta dan awam.”

Datuk Fatimah Abdullah
Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga

kerana masalah tertentu tidak akan kembali bekerja.

Sementara itu, Morley memberitahu media bahawa

isu penglibatan wanita di peringkat kepimpinan sememangnya menjadi debat antarabangsa dalam kalangan golongan profesional dan akademik.

“Adalah menjadi persoalan dan debat kenapa tidak ramai wanita terlibat dalam membuat keputusan atau memimpin dalam politik, perniagaan mahupun sektor awam.

“Alasan yang mudah dan sering diberikan ialah wanita ada tanggungjawab lebih penting iaitu menjaga anak-anak.

“Tetapi kita perlu melihat perkara ini dengan lebih mendalam dengan mengambil kira alasan yang lebih kompleks iaitu adakah wanita itu sendiri teransang, berminat atau berkeinginan tinggi

untuk menjadi pemimpin atau sebaliknya atau dengan sengaja enggan dilantik atau ditolak mahupun tidak layak,” ujarnya.

Bukan itu sahaja katanya, ada kemungkinan bakat kepimpinan wanita dengan sengaja tidak dikenal pasti pada peringkat awal sebagai pemimpin berpotensi.

Namun jelasnya perkara lebih kompleks yang menjadi kebimbangan ialah persekitaran kawalan sosial yang mendorong pemikiran bahawa lelaki adalah pemimpin dan hanya lelaki boleh memimpin menyebabkan kuasa kepimpinan wanita diragui.

“Perkara inilah perlu diberi penekanan dalam kajian ini nanti dan akan dibincangkan pada ceramah awam April tahun depan,” katanya.



Hadir sama pada sidang media itu, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pembangunan Keluarga Rosey Yunus, Pengarah Biro Wanita Sarawak Norjanah Razali dan Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim UKM Profesor Madya Dr Madeline Berma.